

## Nota Fokus Editor

Lam Kuok Choy  
Fokus Editor

Isu khas ini menonjolkan 11 kertas kerja terpilih dari 1<sup>st</sup> International SEEDS 2017 Conference (SEEDS 2017) yang bertemakan ‘*Social and Ecological Transformation: Synthesis, Pragmatism and Shifting Paradigm*’. Pengajian persidangan tersebut bertujuan memberi ruang kepada penyelidik, ahli akademik dan para pelajar untuk berbincang, berbahas, berinteraksi dan bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan serta isu-isu yang dihadapi masyarakat. Berpanduan matlamat tersebut, SEEDS 2017 telah bergabung tenaga dengan penerbitan jurnal Geografi bagi keluaran isu khas ini bagi menyebar luas isu-isu yang dibawa oleh para pembentang di persidangan tersebut. Bahkan ia merupakan hasrat bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mengetengahkan KRA UKM yang antaranya ialah menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi, perhubungan strategik dan perkongsian pintar, graduan beridentiti nasional, berkompiten dan berdaya inovasi, dan tenaga kerja kompeten dan inovatif.

Dewasa ini, wujud kesedaran dan pemahaman bahawa cabaran persekitaran yang dihadapi oleh manusia tidak dapat diselesaikan hanya menerusi sains, teknologi atau sains sosial sahaja. Pendekatan yang kompleks diperlukan, iaitu kombinasi pendekatan sains, teknologi, sains sosial dan kemanusiaan perlu digalakkan menerusi kajian rentas disiplin agar dapat menghasilkan sinergi dan sintesis yang memberikan penyelesaian holistik dan terbaik ke atas isu-isu yang membelenggu masyarakat kini.

Sebelas artikel terpilih yang dimuatkan di dalam isu khas ini merangkumi pelbagai bidang menyentuh aspek sosioekonomi pekebun kecil kelapa sawit, impak projek pembangunan terhadap perkembangan pembangunan dan sosioekonomi penduduk setempat, tanggungjawab sosial korporat, permintaan terhadap produk agro cendawan dan pengurusan sisanya, perkembangan industri pusat SPA, tahap pengetahuan komuniti pesisir pantai terhadap peningkatan aras laut dan teknik pemetaan kepadatan penduduk serta pemetaan perubahan guna tanah. Saya percaya artikel-artikel terpilih tersebut dapat memberikan pemahaman kepada pelbagai pihak berkaitan dengan isu kelestarian sosioekonomi, pembangunan dan persekitaran kita.

Artikel yang dikemukakan oleh Zaimah et al., Suraiya et al. dan Suhana et al. membincangkan isu berkaitan peningkatan pendapatan dan taraf sosioekonomi pekebun kecil kelapa sawit. Manakala tiga artikel lagi oleh Rosniza Aznie & Wan Nur Hidayah, Rosniza Aznie & Nur Efazainiza Ainie dan Rosniza Aznie et al. membincangkan tentang impak projek pembangunan ke atas pembangunan setempat dan sosioekonomi penduduknya. Senario permintaan produk agro cendawan dan pengurusan sisa subtrak cendawan pula dibincangkan oleh Rosmiza et al. Selain daripada isu sosioekonomi, Mokhtar et al. menyelami pandangan pengunjung terhadap industri pusat SPA di Bandar Baru Bangi. Isu berkaitan alam sekitar seperti tahap pengetahuan komuniti setempat mengenai ancaman peningkatan aras laut turut diterokai oleh Nor Hasyifa et al. Akhir sekali artikel oleh Lam et al. membincangkan teknik-teknik pemetaan kepadatan penduduk dan pemetaan perubahan guna tanah melalui aplikasi teknologi geoinformasi.

Selaku fokus editor isu khas, saya mengucapkan terima kasih kepada lebih daripada 22 pewaris artikel di atas sumbangan dan bantuan mereka dalam menilai artikel tersebut. Usaha berdedikasi mereka membolehkan penerbitan isu khas ini berjaya dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan selepas persidangan berlangsung. Sumbangan mereka amat dihargai oleh SEEDS 2017 dan jurnal Geografi. Saya yakin bahawa

menyediakan akses yang lebih luas ke atas hasil penyelidikan dan maklumat yang terkandung dalam kertas kerja yang dibentangkan di persidangan tersebut akan memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan di sektor industri, akademik dan pihak berkuasa tempatan dan para pelajar. Kepelbagaiannya yang dibincangkan dalam isu khas ini merupakan petunjuk kepada komuniti penyelidikan yang aktif. Saya berharap semoga pembaca menikmati isu khas ini dan dapat mengenali komuniti SEEDS menerusi karya-karya yang dipaparkan.